

09 DEC 1997
OIC-Kemuncak
SIDANG KEMUNCAK OIC BERMULA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 9 Dis (Bernama) -- Para pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memulakan sidang kemuncak di sini hari ini yang dijangka mengulangi persaudaraan Islam ketika mereka berusaha meningkatkan peranan dalam hal ehwal global.

Pemimpin yang berhimpun Pusat Persidangan Tehran yang baru dibina terdiri daripada Raja-raja, presiden, perdana menteri atau wakil mereka. Mereka disambut oleh pemimpin agung Iran Ayatollah Ali Khamenei yang menyempurnakan upacara perasmian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak tiga hari itu dengan tema "Dialog, Kehormatan dan Penyertaan."

Dr Mahathir diiringi oleh Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, yang mewakili Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Abdullah telah berlepas ke Bonn bagi menghadiri mesyuarat mengenai pelaksanaan perjanjian Damai Dayton mengenai Bosnia dan Herzegovina.

Ini kali pertama Iran menganjurkan sidang kemuncak dalam sejarah OIC selama 28 tahun. Perhimpunan para pemimpin kali ini juga yang terbesar dalam masa dua dekad sejak Revolusi Iran pada 1979.

Ketika berucap, Khamenei berkata senario dunia sekarang mendedahkan pertubuhan mengandungi 55 negara anggota itu kepada cabaran yang lebih hebat.

OIC boleh menjadi lambang perpaduan sebenar negara-negara Islam demi kepentingan bersama, kata beliau. Ucapan Khamenei mencerminkan harapan ummah bagi keamanan dan persaudaraan di kalangan negara Islam.

Khamenei memberitahu para pemimpin Islam itu bahawa Iran tidak menimbulkan ancaman kepada mana-mana negara Islam.

Iran menaruh lebih keinginan bagi melihat perpaduan dunia Islam.

Sidang kemuncak itu, dipengerusikan oleh Presiden Iran, Mohammad Khatami, didahului oleh mesyuarat Menteri Luar OIC yang telah mengemukakan 140 resolusi untuk perbincangan para pemimpin. -- BERNAMA

AZZ FAZ